

Headline	<b>'Makcik PC' ternipis di dunia</b>
Date	<b>01. Dec 2007</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>
Section	<b>Dlm Negeri</b>
Circulation	<b>238082</b>
Readership	<b>833287</b>
Language	<b>MALAY</b>
Page No	<b>1</b>
Article Size	<b>196 cm<sup>2</sup></b>
Frequency	<b>Daily</b>
Color	<b>Full Color</b>



# 'Makcik PC' ternipis di dunia

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 30 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan komputer ternipis di dunia hasil ciptaan terkini Mimos Bhd. (Mimos) yang dikenali sebagai 'Makcik PC'.

Perdana Menteri menyifatkan kejayaan Mimos menghasilkan komputer tablet itu sebagai bukti keupayaan syarikat tempatan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Beliau juga yakin produk tersebut mampu melonjakkan nama Malaysia di peringkat global.

"Sebelum terciptanya komputer ini, saya pernah meminta Mimos mencipta satu komputer yang murah dan mudah pada Ogos lalu untuk digunakan oleh semua peringkat umur masyarakat termasuk warga emas.

"Akhirnya terciptalah komputer yang dikenali dengan 'Makcik PC' ini. Saya bangga dengan keupayaan Mimos menghasilkan satu komputer yang boleh memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan produk itu semasa merasmikan Pameran dan Persidangan Inovasi Kebangsaan (NI-



KOMPUTER 'Makcik PC' yang dilancarkan oleh Abdullah Ahmad Badawi pada Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan 2007 di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

CE) 2007 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Perdana Menteri menyifatkan komputer itu amat istimewa dan mudah digunakan oleh semua golongan masyarakat.

Abdullah memberitahu, beliau terdorong mencadangkan kepada Mimos untuk meng-

hasilkan sebuah komputer seumpama itu kerana mahu rakyat negara ini mampu memiliki sebuah komputer.

Komputer seberat kurang 800 gram yang dilengkapi dengan gajet terkini seperti WiFi, bluetooth dan jaringan Wimax sebagai sambungan rangkaian Internet tanpa wayar itu akan dijual di antara AS\$160 (RM537) dan AS\$300 (RM1,008) seunit.

Abdullah percaya harganya yang berpatutan membolehkan lebih ramai mampu memiliki dan dengan itu jurang digital di kalangan masyarakat khususnya luar bandar dapat dikurangkan.

"Saya percaya komputer ini akan menarik lebih ramai rakyat mendalami ilmu ICT," ujarnya.

Selain untuk pasaran tempatan, komputer tersebut juga kata beliau, boleh dieksport ke luar negara.

Sementara itu, Abdul Wahab berkata, komputer itu dibangunkan agar boleh digunakan oleh semua peringkat umur.

"Mimos akan bekerjasama dengan peserta industri untuk mengkomersialkan produk ini dalam tiga model untuk digunakan suri rumah, pelajar dan peniaga kecil," katanya.

Mimos belum dapat menjangkakan bilakah komputer tersebut akan berada di pasaran.